

U B055 AAB  
MALAYSIA - BANTUAN  
OLEH AHMAD REJAL ARBEE 1984

TRIPOLI, 12 DIS. (BERNAMA) -- MALAYSIA MENAWARKAN PENGALAMAN PEMBANGUNANNYA KEPADA LIBYA DIBAWAH PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA.

MENTERI LUAR TENCKU AHMAD RITHAUDDEEN BERKATA HARI INI SUNGGUHPUN MALAYSIA MASIH MEMERLUKAN DAN MENERIMA BANTUAN TEKNIKAL, TETAPI IA SANGGUP BERKONGSI PENGALAMANNYA DALAM SEMANGAT KERJASAMA SELATAN-SELATAN.

SEWAKTU BERCAKAPDI UPACARA MENANDATANGANI MINIT-MINIT SURUHANJAYA BERSAMA MALAYSIA-LIBYAKEDUA YANG DIPERSETUJUI SEMALAM, BELIAU EERKATA IA MENANDAKAN PERMULAAN KERJASAMA DUA HALA YANG LEBIH RAPAT DAN BERMAKNA ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

KETUA PERWAKILAN LIBYA DALAM SURUHANJAYA ITU, DR. ALI TREIKI YANG JUGAMENTERI LUARNYA MENANDATANGANNINYA BAGI PIHAK NEGARANYA.

TENGGU RITHAUDDEEN BERKATA KEDUA-DUA NEGARA KINI PERLU LAH MENGEMBELINKAN USAHA KE ARAH PELAKSANAAN DAN PENGAMBILAN TINDAKAN SUSULAN TERHADAP APA YANG TELAH DIPERSETUJUI, --LAGI  
1017MST 12 12 84

D960

U B059 AAO  
MALAYSIA - EANTUAN 2 TRIPOLI  
AAB

BELIAU BERKATA MESYURAT SURUHANJAYA ITU YANG DIPENGERUSIKANNYA BERSAMA DENGANDR. TREIKI MEMANG KENAPADA MASANYA MEMANDANGKAN IA DILANGSUNGKAN SEBELUM LAWATAN RASMI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG SEKALIGUS MENDORONGKAN LAGI KEJAYAAN LAWATAN ITU.

TENGGU RITHAUDDEEN BERKATA DENGAN PENUBUHAN SEBUAH SYARIKAT INDUK BERSAMA AKAN MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA DAN MALAYSIA AKAN BERUSAHA UNTUK MENYEGERAKAN KEAKTIFAN SYPRIKAT ITU.

PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA ADALAH TERLALU KECIL IAITU CUKA 0.008 PERATUS DARIPADA JUMLAH PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN LIBYA YANG MERUPAKAN RAKAN PERNIAGAAN YANG PALING KECIL DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ARAB .

KEDUA-DUA NEGARA TELAH BERSETUJU MENINGKATKAN PERDAGANGAN MEREKA --  
DAN LIBYA MENUNJUKKAN MINAT TERHADAP KELUARAN MALAYSIA SEPERTI GETAH,  
MINYAK SWIT DAN KAYU-KAYAN.

MALAYSIA KATANYA BOLEH MEMBEKALKAN BARANG PERKILANGAN DAN  
SEPARUH PERKILANGAN SEPERTI ALAT PENDINGIN HAWA, BARANG BERASASKAN  
GETAH, MAKANAN DAN BARANG ELEKTRIK. -- LAGI  
1114MST 12 12 84

0962

U 0050 AAB

MALAYSIA - BANTUAN 3 TRIPOLI

TENGGU RITHAUDDEEN BERKATA KERJASAMA DIBIDANG PELAJARAN DAN  
KEBUDAYAAN BOLEH DIPERTINGKATKAN BAGI MEMPERLEHKAN PENDUDUK DI  
KEDUA-DUABUAH NEGARA SALING MENGETAHUI DAN MEMAHAMI SATU SAMA LAIN  
UNTUK MENINGKATKAN JALINAN PERHUBUNGAN ANTARA KERAJAAN DENGAN  
KERAJAAN.

LIBYA BERSAMA DENGAN NEGARA-NEGARA ISLAM YANG LAIN TELAH MENAJA  
PENUBUHAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA DAN MALAYSIA PERHARAP DAPAT  
MEMPERTINGKATKAN KERJASAMA TERUTAMA BAGI PENUBUHAN FAKULTI  
KEJURUTERAAN UNIVERSITI ITU.

BELIAU BERKATA UNIVERSITI ITU PUKAN SAHAJA MEMBERI SUMBANGAN  
TERHADAP PERPADUAN UMMAH MALAHAN MENERAP NILAI-NILAI DAN FALSAFAH  
ISLAM DAN MAKSUD SEBENARNYA BAGI ORANG-ORANG BUKAN ISLAM DI ASIA  
TENGGERA.

UPACARA MENANDATANGANI ITU DILAKUKAN SEBELUM ROMBONGAN PERDANA  
MENTERI BERLEPAS DARI LIBYA SETELAH LAWATAN RASMI SELAMA EMPAT HARI.  
-- BERNAMA